

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengundi yang berdaftar terkini mengikut bangsa bagi setiap negeri dan bilangan pengundi baru berumur 18 tahun dan ke atas yang layak mengundi bagi Pilihan Raya Umum 15 (PRU 15) akan datang mengikut bangsa bagi setiap negeri serta nyatakan syarat-syarat dan kelayakan bagi pengundi-pengundi baru ini bagi membolehkan mereka mengundi.

JAWAPAN**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas seperti berikut:

Dewan Rakyat	16 Julai 2019
Dewan Negara	25 Julai 2019

2. Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik adalah meliputi:

- (i) pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan;
- (ii) penyediaan *standard operating procedures* (SOP); dan
- (iii) penyediaan sistem serta infrastruktur.

3. Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik seperti berikut:

- (i) membuat semakan maklumat bakal pemilih;
- (ii) membuat semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas;
- (iii) semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat;

- (iv) sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan;
- (v) program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih; dan
- (vi) menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang

4. SPR sedang mengadakan proses Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA) sehingga 31 Oktober 2021. SPPA diadakan bertujuan memberi peluang kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 dan belum mendaftar sebagai pemilih untuk menyemak dan mengesahkan maklumat mereka dengan SPR sebelum didaftarkan sebagai pemilih secara automatik.

5. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

6. Justeru, SPR tidak mempunyai maklumat jumlah pengundi bagi semua bahagian pilihan raya Parlimen di seluruh negara yang meliputi bakal pemilih berumur 18 tahun dan ke atas memandangkan nama bakal pemilih berumur 18 tahun dan ke atas ini masih dalam proses pra-pendaftaran pemilih dan belum diperaku mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN

DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu meningkatkan pemilikan rumah mampu milik terutama golongan B40 di Miri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agenda perumahan negara merupakan fokus utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam hasrat untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada Keluarga Malaysia.

Kerajaan komited untuk meneruskan penyediaan perumahan khususnya bagi golongan B40 dengan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) secara berterusan. Program ini merupakan subsidi terbesar bagi pemilikan rumah awam kepada kumpulan B40. Terdapat dua (2) jenis PPR yang disediakan oleh Kerajaan iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. PPR Dimiliki merujuk kepada unit PPR yang dijual kepada pemohon yang berkelayakan manakala PPR Disewa ditawarkan kepada rakyat yang masih belum berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri.

SOALAN NO : 232

Sejak diperkenalkan pada tahun 1982 sehingga sekarang, terdapat 154 projek PPR Dimiliki dan PPR Disewa yang telah siap dibina melibatkan 97,196 unit rumah kepada golongan sasar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 505 unit PPR Dimiliki telah siap dibina di PPR Lambir, Miri. Setakat ini semua PPR di Sarawak adalah sama ada PPR Disewa atau PPR Dimiliki. Kumpulan ini boleh memiliki rumah PPR dengan harga RM35,000.00 di Semenanjung Malaysia manakala RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. PPR Disewa pula menawarkan kadar sewa serendah RM124.00 sebulan.

Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk meneruskan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang juga terbukti memberi manfaat perumahan khusus kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Setakat ini, sebanyak 47,714 unit RMR telah siap dibina. Di Sarawak, setakat ini terdapat 1,515 unit RMR yang telah siap dibina dan 68 unit dalam pembinaan dan 168 unit dalam perancangan menjadikan keseluruhan 1,751 unit rumah. Bagi daerah Miri pula terdapat 21 unit kediaman yang telah siap dibina dan 5 unit dalam pembinaan dan 16 unit dalam perancangan menjadikan keseluruhan 42 unit rumah.

Di samping itu, KPKT bercadang untuk mewujudkan Panel Pemikir (Panel of Experts, POE) bagi membantu dan memberi nasihat kepada Kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Buat permulaan, POE ini akan membincangkan mengenai kaedah pembiayaan perumahan terutamanya bagi golongan B40.

Sekian, terima kasih.